



(Gambar/Gulf News)

Semua agama harus tangani krisis iklim

KOTA VATICAN: Walaupun tidak menghadiri sidang kemuncak COP-28 di Dubai kerana masalah kesihatan, Sri Paus Fransiskus menghantar pesannya untuk perasmian Astaka Iman (*Faith Pavilion*) yang julung kali diadakan dalam acara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang iklim.

Dalam ucapan yang dibacakan oleh Kardinal Pietro Parolin, Setiausaha Negara Vatikan, Sri Paus Fransiskus mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan yang hadir untuk perasmian Astaka Iman COP28 pada Disember 3, termasuk Imam Besar Al-Azhar, Ahmad Al-Tayyeb, dan Presiden Emiriah Arab Bersatu, Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan.

Dalam pesannya, Sri Paus mengatakan, "Astaka Iman adalah yang pertama seumpamanya di tengah-tengah COP, dan ia menunjukkan bahawa semua kepercayaan agama yang tulen adalah sumber pertemuan dan tindakan."

"Adalah penting untuk melihat diri kita sendiri, melangkaui perbezaan kita, sebagai saudara dan saudari sebagai sebuah keluarga manusia, dan, sebagai orang yang ber iman, untuk mengingatkan diri kita dan dunia bahawa, sebagai penziarah di bumi ini, kita mempunyai kewajiban untuk melindungi rumah kita bersama," katanya.

"Agama adalah peringatan bahawa manusia adalah terhad dan mempunyai batasan. Kehidupan mesti dilindungi dan ini harus dilakukan dengan kerakusan manusia yang memusnahkan planet kita."

"Keinginan untuk berkuasa yang tidak pernah puas itu

timbul apabila kita menganggap diri kita sebagai tuan kepada dunia, seolah-olah Tuhan tidak wujud dan, akibatnya, akhirnya menjadi pemangsa kepada apa sahaja yang ada di bumi ini," katanya.

Apabila ini berlaku, manusia menjadi "komoditi semata-mata, mementingkan diri sendiri dan membelakangkan moral dan kebijaksanaan serta memusnahkan sumber kehidupan," kata Sri Paus.

"Ini" ujar Sri Paus Fransiskus, "menyebabkan masalah perubahan iklim juga merupakan masalah yang dihadapi oleh semua penganut agama."

Hadiah Tuhan yang perlu dijaga

Menyeru hadirin untuk bertindak, Bapa Suci menekankan keperluan mendesak untuk bertindak "demi alam sekitar" dan tidak cukup dengan hanya meningkatkan perbelanjaan.

Sebaliknya, "Kita perlu mengubah cara hidup kita dan dengan itu mendidik semua orang kepada gaya hidup yang sihat, lebih ke arah persaudaraan dan mesra alam."

"Ini adalah kewajiban penting bagi semua agama, kita dipanggil untuk menyebar dan mengajar bahawa dalam kisah penciptaan, bukan sahaja ekosistem perlu dipelihara, tetapi juga hadiah daripada Tuhan untuk dipelihara," katanya seraya mengatakan, "Dunia yang miskin dalam kontemplasi akan menjadi dunia yang tercemar, menjadi dunia yang akan terus membuang manusia dan menghasilkan bahan buangan."

Apabila doa kurang, dunia akan dipenuhi dengan kata-kata tetapi "tanpa belas kasihan dan air mata," maka ia akan hidup dari "kebendaan yang diperbuat daripada wang dan senjata," katanya.

Bapa Suci Fransiskus juga berkata bahawa keamanan dan penjagaan ciptaan adalah "bergantung antara satu sama lain."

Prelatus itu mengeluh bahawa banyak peperangan dan konflik yang melanda dunia telah memusnahkan alam sekitar serta memecah belahkan negara. "Sebuah rumah hanya boleh didiami apabila iklim ke amanan memerintah di dalamnya," tegasnya ambil berkata bahawa agama mempunyai peranan khusus dalam menjaga keamanan.

"Tolong, jangan ada percanggahan dalam hal ini," katanya. "Semoga tindakan kita tidak bercanggah dengan kata-kata yang kita ucapkan; semoga kita tidak hanya bercakap tentang keamanan, tetapi bertindak melawan apa yang diucapkan. Tolong jangan mengaku seorang yang beriman tetapi mencetuskan kebencian dan tidak berbuat apa-apa terhadap keganasan."

Apa peranan Astaka Iman (Faith Pavilion)?

Astaka Iman yang ditubuhkan di *Expo City*, Dubai adalah projek Pusat Antara Agama untuk Pembangunan Lestari (ICSD), Majlis Penatua Muslim, dan Gabungan Iman untuk Program Bumi Alam Sekitar PBB.

Ia bertujuan untuk berfungsi sebagai platform global untuk menggalakkan penglibatan agama dan dialog antara agama dalam pelaksanaan langkah-langkah untuk memerangi perubahan iklim.

Astaka Iman ini juga berfungsi untuk menghimpunkan pelbagai pemimpin agama dan perwakilan untuk membangunkan strategi bagi menangani cabaran global seperti keadilan alam sekitar melalui pertukaran cadangan dan idea merentasi negara. — *CruX*

Simfoni hidup yang tidak pernah selesai

Sepanjang hidup kita, kita akan menyedari bahawa perjalanan hidup kita tidak selalunya tenang dan damai. Dalam bahasa mudah, hidup kita sentiasa agak menyedihkan. Tetapi ini seharusnya tidak menakutkan dan melemahkan kita.

Pathetic atau menghibakan bukanlah istilah yang cuba merendahkan keadaan seseorang.

Perkataan itu berasal dari bahasa Yunani, *pathos*, yang bermaksud kesakitan. Oleh itu, menghibakan merujuk kepada hidup dalam kesakitan, dan kita semua pernah melaluinya kerana demikianlah kita diciptakan.

Anda mungkin menolak kenyataan ini. Bukankah kita diciptakan menurut gambar dan rupa Tuhan agar setiap daripada kita, tidak kira betapa kacanya hidup kita, kita mempunyai martabat istimewa dan kesalehan tertentu dalam diri kita?

Kita memang memiliki martabat istimewa itu. Walaubagaimanapun, disebabkan martabat dan mungkin sebahagian besarnya berpunca dari martabat kita maka kehidupan kita cenderung menjadi sangat kompleks sehingga mengalami kesakitan yang amat dalam. Mengapa?

Ketuhanan tidak mudah untuk dihidupi dalam hidup kita. Dalam diri kita yang terbatas, sukar menyesuaikan diri dengan perkara-perkara yang tidak terbatas. Kita membawa terlalu banyak api ilahi di dalam untuk mencari banyak kedamaian dalam hidup ini.

Perjuangan itu bermula pada awal kehidupan. Untuk mencipta

identiti diri sendiri pada fasa kanak-kanak yang sangat muda, kita perlu membuat satu siri kontraksi mental dengan yang akhirnya menghadkan kesedaran kita.

Pertama, kita perlu membezakan diri kita daripada orang lain (*Itu ibu – saya adalah saya*); dan kita juga perlu membezakan antara apa yang hidup dan apa yang tidak (*anak anjing itu hidup – anak patung saya tidak*); seterusnya, kita perlu membezakan antara fizikal dan mental (*ini adalah tubuh saya – saya berfikir dengan fikiran saya*).

Akhir sekali, dan secara kritis, semasa kita melakukan semua ini, kita perlu memisahkan seberapa banyak perkara yang dapat kita tangani secara sadar tetapi jumlah itu terlalu banyak sehingga sukar dikendalikan.

Dengan itu kita mencipta identiti diri dan kita juga mencipta bayang-bayang, iaitu, sebuah ruang di dalam diri kita yang terpisah dari kesedaran kita.

Perhatikan bahawa bayang-bayang kita pada mulanya, bukanlah tentang kegelapan. Sebaliknya, ia adalah cahaya dan tenaga dalam diri kita yang tidak dapat kita kendalikan secara sadar.

Kebanyakan kita, mungkin biasa dengan kata-kata Marianne Williamson yang menjadi terkenal kerana dipetik oleh Nelson Mandela dalam salah satu ucapan rasminya: *Ketakutan kita yang paling mendalam bukanlah kerana kita lemah. Ketakutan kita yang paling mendalam ialah*



kuasa kita adalah terkira. Bukan kegelapan tetapi cahaya kita yang paling menakutkan kita.

Kita takut akan cahaya sendiri kerana ia tidak mudah dibawa dan dikendalikan. Ia memberi kita maruah yang besar dan kedalaman yang tidak terhingga, tetapi pada masa yang sama, ia juga menjadikan kita kompleks dan gelisah secara patologi.

Ruth Burrows, salah seorang penulis rohani yang terkemuka pada zaman kita, memulakan autobiografinya dengan kata-kata ini: *Saya dilahirkan ke dunia ini dengan kepekaan yang sangat sensitif dan hidup saya tidak mudah.*

Anda tidak akan menjangka kata-kata itu diluahkan oleh seorang mistik, atau diucapkan oleh seseorang yang telah menjadi biarawati setia selama lebih daripada tujuh puluh lima tahun.

Anda tidak akan menjangka ba-

hawa perjuangan dalam hidupnya adalah sama dengan karya cahaya dan kegelapan yang ada dalam batinnya. Ini juga berlaku dalam diri kita.

Terdapat petikan yang terkenal dalam Kitab Pengkhotbah di mana penulis suci memberitahu kita bahawa Tuhan telah menjadikan segala-galanya indah pada masa nya sendiri.

Walau bagaimanapun, petikan itu tidak berakhir dengan damai. Ia berakhir dengan memberitahu kita bahawa, sementara Tuhan telah menjadikan segala-galanya indah pada masanya sendiri, Tuhan juga telah meletakkan keabadian ke dalam hati manusia yang menyebabkan kita menghadapi hal-hal yang dijangka, pada masa-masa tertentu dalam kehidupan kita, sejak awal kehidupan hinggalah pada akhir kehidupan.

Kedua-dua martabat istimewa kita dan kerumitan patologi kita berasal pada akar alamiah kita. Kita membayar harga berlebihan untuk kehidupan di planet ini.

Sto Augustinus menyatakan ungkapan klasik yang terkenal ini: *Engkau telah menjadikan kami untuk diri-Mu, Tuhan, dan hati kami tidak tenang sehingga ia berehat di dalam Engkau.* Ungkapan ini mengandungi keseluruhan antropologi dan kerohanian.

Maruah dan kegelisahan kita yang berterusan sebenarnya mempunyai satu sumber yang sama.

Oleh itu, anda perlu memberi diri anda kebenaran suci untuk berhati 'liar', hati yang resah, tidak puas

hati, kompleks hati, dan kekecewaan hati.

Terlalu kerap, di mana kedua-dua bidang psikologi dan kerohanian telah gagal memberikan anda dorongan bahawa anda sepatutnya hidup tanpa kekacauan dan kegelisahan dalam hidup anda.

Diakui, kekacauan ini boleh melanda anda dengan lebih teruk akibat kelemahan moral, tetapi ia akan tetap mengganggu anda, tidak kira betapa baiknya kehidupan yang anda jalani.

Sesungguhnya, jika anda seorang yang sangat sensitif, anda mungkin akan merasakan kerumitan anda lebih serius berbanding jika anda kurang sensitif atau mengalihkan sensitiviti anda kepada perkara lain.

Karl Rahner pernah menulis kepada seorang rakan yang telah menulis kepadanya yang mengadu bahawa dia tidak menemui hidup seperti yang didambakannya.

Rakannya meluahkan kekecewaan terhadap dirinya, tentang perkahwinannya dan pekerjaannya.

Rahner memberinya nasihat ini: *Kita mengalami derita kerana berasa semuanya tidak cukup, tidak lengkap, tidak dapat mencapai semuanya ... kita akhirnya belajar bahawa dalam kehidupan ini tidak ada simfoni yang selesai.*

Tidak ada simfoni yang selesai dalam hidup ini — bukan kerana jiwa kita cacat, tetapi kerana mereka membawa kesalehan. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Mengubah corak kehidupan kita

Yohanes Pembaptis tampil di dalam masyarakat bangsa Israel untuk mempersiapkan mereka menyambut kedatangan Almasih yang telah sekian lama dinantikan kedatangan-Nya.

Tanpa mereka ketahui, Almasih itu sudah datang dan berada di tengah mereka. Yohanes dengan corak hidup, perbuatan dan katanya menganjak mereka bertobat, agar dapat menemukan Almasih itu.

Ertinya berusaha hidup sesuai dengan perintah Tuhan seperti disampaikan oleh para nabi besar seperti Musa dan Elia. Untuk menyiapkan kedatangan-Nya kepada mereka itu Yohanes Pembaptis mengajak semua orang untuk mengubah corak dan arah hidup mereka secara total.

Bukan sebagai pertobatan untuk sementara atau hanya menurut perhitungan. Diperlukan suatu perubahan atau transformasi hidup yang mutlak. Dengan bahasa alkitabiah: jalan hidup yang berliku-liku harus diluruskan, yang berbukit-bukit diratakan.

Untuk melaksanakan tugas panggilannya, iaitu menyiapkan kedatangan dan perjumpamaan dengan Almasih, Yohanes secara peribadi melaksanakan sendiri dahulu corak hidup yang benar, ertinya sesuai dengan perintah Tuhan.

Sambil menghayatinya sendiri corak hidup benar itulah yang disampaikan kepada orang lain. Dia hidup sangat sederhana, dan berkat kesederhanaannya itulah Dia dapat dipercayai orang lain.

Orang yang sederhana adalah orang yang memperkenalkan diri seperti adanya, bukan yang dibuat-buat dengan usaha dan cara apa-pun lainnya, agar dapat dinilai dan dihargai lebih baik daripada dalam keadaan yang sebenarnya.

Dalam kesederhanaannya itulah Yohanes Pembaptis ternyata tampil sebagai orang yang berwibawa. Bahkan mungkin ada orang-orang yang menganggap dia sebagai Almasih.

Itulah sebabnya mengapa beberapa imam dan orang Lewi bertanya kepada Yohanes

Pembaptis: "Siapakah engkau sebenarnya?". Tetapi jawabannya tegas dan jujur: "Aku bukan Mesias!". Bukan Nabi Elia juga! Malahan ditambahkannya: "Membuka tali kasut-Nya pun aku tidak layak". Akhirnya ia menegaskan: "Akulah suara orang yang berseru-seru di padang gurun. Luruskanlah jalan Tuhan". Inilah Yohanes Pembaptis yang memperkenalkan diri kepada orang lain secara autentik!

Apa pesan Injil hari ini tentang Yohanes Pembaptis?

Secara klasik liturgis-gerejawi, pada awal Misa Adven III dinyanyikan Antifon Pembuka "Gaudete", "Bersukacitalah senantiasa dalam Tuhan. Sekali lagi kukatakan: Bersukacitalah! Sebab Tuhan sudah dekat".

Maka pesan Injil hari ini kepada kita ialah, bahawa kita dalam masa Adven bukan diajak berduka-cita, melainkan bersukacita.

Namun, agar dapat bersukacita dengan benar, kita harus bersedia mendengarkan dan melaksanakan apa yang diserukan oleh Yohanes

HARI MINGGU KETIGA ADVEN (B)

YESAYA 61: 1-2A.10-11

1 TESALONIKA 5: 16-24

YOHANES 1:6-8. 19-28

Pembaptis di padang gurun iaitu mahu dan berani bertobat!

Pesan kedua yang harus kita laksanakan juga ialah, bahawa kita pun sebagai orang Kristian yang sudah dibaptis, harus tampil sebagai Yohanes Pembaptis terhadap sesama kita.

Kita sebagai Gereja harus menunjukkan kepada setiap orang melalui sikap dan penghayatan hidup Kristian yang autentik. Itulah seruan kita, bukan hanya melalui kata, melainkan terutama melalui kehidupan, bahawa Kristus adalah Almasih kita.

Maka bila kita yakin akan ajaran iman kita ini, maka kita sendiri harus bersikap, hidup dan berbuat dengan jiwa dan semangat Yohanes Pembaptis: iaitu jujur di hadapan Tuhan dan sesama.

Hidup serupa itulah yang dapat merupakan seruan Yohanes Pembaptis untuk sesama kita pada zaman kita sekarang ini.

Apakah hidup kita masing-masing sebagai orang Kristiani sejati sudah merupakan tanda yang menunjuk kepada Yesus Kristus sebagai Almasih kita?

Kita perlu tahu dan sadar, bahawa kita sendiri dapat bertemu dengan Yesus Kristus sebagai Almasih di dalam diri sesama kita, yang juga memerlukan pertolongan kita untuk dapat bertemu dengan Kristus.

Jangan sampai kita sebagai orang Kristian ternyata belum dapat menemui dan bertemu dengan Kristus sebagai Almasih di dalam diri sesama kita. — *Iman Katolik*

Hidupi iman dengan Roh Kudus



KUALA PENYU: “Iman Kristian bukan hanya pada nama, dasar dan akal tetapi iman Kristian adalah bersifat relasi yang mengaitkan cintakasih Tuhan dengan manusia,” kata Uskup Cornelius Piong semasa memimpin ritus Komuni Pertama dan Sakramen Krisma di Gereja St. Peter Bundu, baru-baru ini.

Seramai 66 kanak-kanak dan 100 orang belia dari stasi luar dan paroki pusat menerima Komuni Pertama serta menerima Sakramen Penguatan.

Misa Upacara Penerimaan Komuni Kudus Pertama dan Sakramen Krisma ini dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong. Prelatus itu dibantu oleh Paderi Paroki Kuala Penyu, Fr Clement Abel.

Dalam homilinya, Bapa Uskup menyampaikan pesan kepada para penerima Komuni Pertama supaya menggunakan kesempatan tersebut untuk meneguhkan dan menguatkan relasi dengan Kristus.

“Apabila menerima Sakramen Ekaristi (Tubuh dan Darah Kristus) kita haruslah percaya bahwa roti yang diterima bukan roti

biasa, kerana sebelum Yesus kembali kepada Bapa pada malam perjamuan terakhir, Yesus telah menubuhkan Ekaristi.

“Yesus mengembalikan makanan dari Tubuh dan Darahnya di mana Yesus mengatakan “Akulah roti yang hidup setiap orang datang kepada-Ku, tidak akan lapar dan setiap orang yang percaya kepada-Ku tidak akan dahaga selama-lamanya,” kata Uskup Cornelius.

Prelatus itu menambah, selain makanan dan minuman yang diperlukan oleh tubuh secara fizikal, kerohanian manusia hanya dapat dikuatkan oleh Yesus dalam Ekaristi.

Uskup Cornelius berpesan agar umat ikut serta dalam Misa Kudus sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk mendapatkan sumber kehidupan yakni Tubuh dan Darah serta Sabda-Nya.

Bapa Uskup menggalakkan umat agar sentiasa konsisten dan taat setiap hari untuk bersatu dengan Yesus melalui doa.

Agar iman sentiasa segar, Bapa Uskup memberi cadangan agar umat mengambil masa untuk berdoa, membaca, mendengar

dan merenung sabda Tuhan melalui sumber-sumber rohani seperti audio Kupi Rohani, *Catholic Sabah* dan Renungan Singkat.

Kepada penerima Sakramen Krisma pula, Bapa Uskup menerangkan bahawa dengan menerima Krisma, bermakna mereka telah menerima Roh Kudus yang adalah peribadi yang ketiga dalam Tritunggal Mahakudus.

Rahmat Sakramen Krisma yang lain ialah menyatukan para krismawan dengan lebih teguh dengan Kristus, menambah karunia Roh Kudus dalam diri mereka serta mengikat kita lebih sempurna dengan Gereja.

Jelasnya, Roh Kudus berperanan sebagai penolong dalam perjalanan hidup, mengajar dan mengingatkan tentang ajaran-ajaran Kristus.

Bapa Uskup juga mengharapkan agar para Krismawan konsisten dan taat berdoa serta menekankan agar perjalanan rohani mereka sentiasa dalam *mode* bersiap siaga.

Kepada ibu bapa pula, Bapa Uskup berpesan agar terus membantu pertumbuhan anak-anak mereka. — *Stella E. Dydimus*

LARANGAN sertai Misa dengan Fr Justin Joannis



KOTA KINABALU: Chanseri Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah mengeluarkan pengumuman pada Disember 3, 2023 mengenai larangan menyertai Misa dan

pelayanan Sakramen oleh seorang bekas paderi Yesuit.

Berikut merupakan pengumuman tersebut:

Telah dibawa ke perhatian Uskup Agung Kota Kinabalu bahawa seorang bekas paderi Yesuit, Fr Justin Joannis, sedang menjalankan pelayanan imam di kediaman peribadinya di Kimanis, Papar. Ini termasuk perayaan Misa dan memberikan Sakramen Pengakuan.

Berdasarkan kebenaran daripada Ketua Umum Persatuan Yesus di Roma, Fr Justin Joannis telah diberikan *Decree of Non Petitioned Dismissal* (Dekri Pemecatan tanpa Petisyen atau Perintah Keluar tanpa Rayuan) pada Oktober 10, 2019, yang dikeluarkan oleh Ketua Superior Persatuan Yesus bagi Wilayah Malaysia-Singapura.

Keuskupan Agung Kota Kinabalu dengan ini menghalang sebarang aktiviti dengan Fr Justin Joannis dan menegaskan bahawa meskipun Fr Justin Joannis masih seorang paderi tetapi dia dilarang secara sah untuk melaksanakan Perintah Suci (Undang-undang Kanon 1333).

Oleh itu, umat Katolik digesa untuk mengelak daripada menghadiri Misa dan pelayanan Sakramen yang dilakukan oleh Fr Justin Joannis

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Mengapa iblis gentar terhadap Bonda Maria?

1. Apa nama sebenar Bonda Maria?

Semua aksara alkitabiah mempunyai nama “berbeza” daripada bahasa kita. Yesus dan Maria mempunyai nama asal dalam bahasa Ibrani atau Aram yang mempunyai makna rohani yang mendalam.

Menurut *Catholic Encyclopedia*, “Dalam bahasa Ibrani, nama Maria adalah miryam [atau myriam].” Nama ini digunakan dalam Perjanjian Lama untuk menunjukkan satu-satunya saudara perempuan Musa.

Setelah bertahun-tahun nama itu berubah setelah melalui pelbagai proses penterjemahan kerana Alkitab tersebar ke seluruh dunia dalam pelbagai bahasa.

Septuaginta atau terjemahan Alkitab Ibrani menterjemahkan Miryam kepada Marian, analogi serupa dengan perkataan Syriak dan Aramaik — Mariaam.

Dalam Perjanjian Baru, nama Perawan Maria sentiasa Mariam, kecuali dalam *Codex Vatican* dan *Codex Bezae* yang menggunakan Maria dalam Lukas 2:19.

Mungkin para Penginjil menyimpan bentuk kuno nama untuk Perawan Terberkati, untuk membezakannya daripada wanita lain yang mempunyai nama yang sama.

Vulgate (terjemahan Alkitab ke bahasa Latin) menterjemahkan nama menjadi Maria dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru; Josephus (Ant. Jud., II, ix, 4) menukar nama Miryam

kepada Mariamme.

Nama “Miriam” lebih dekat dengan bahasa Ibrani berbanding bahasa Inggeris “Maria” atau Latin “Maria” dan bahasa Aram juga tidak jauh berbeza kerana ia hanya menambahkan “am” kepada “Maria.”

Beberapa sarjana Alkitab melihat nama perawan terberkati itu mempunyai banyak simbol rohani yang hebat. Misalnya, dalam bahasa Ibrani, “Mar” bermaksud (pahit) dan “yam” bermaksud “laut” yang merujuk kepada penderitaan pahit Maria di kayu salib dan air mata kesedihannya mengalir dengna banyak.

Sto Jerome menterjemahkan nama “Maria” dalam bahasa Latin sebagai *stillamaris*, iaitu *stella* (bintang) dan *mar* (laut) yang menyumbang kepada gelaran popular untuk Maria sebagai “Bintang Laut atau Bintang Samudera.”

2. Mengapa iblis gentar terhadap Santa Perawan Maria?

Menurut beberapa Bapa Suci dan pengusir syaitan (*exorcist*), syaitan takut kepada Bonda Kudus.

Seorang *exorcist* Itali, Fr Sante Babolin, “semasa saya bersungguh-sungguh menyeru Perawan Maria yang Maha Suci, syaitan menjawab saya: “Saya tidak tahan mendengar namanya (Maria, Bonda Tuhan)...”

Fr Sante juga mendapati bahawa “reaksi terkuat” syaitan semasa pengusiran kuasa jahat

berlaku apabila rujukan dibuat kepada penampakan Maria.”

Oleh itu, Fr Sante sering berdoa kepada Perawan Maria di bawah gelarannya “Lourdes, Fatima atau Guadalupe.”

Sri Paus Fransiskus juga berkata, “Di mana Bonda Tuhan, syaitan tidak masuk; di mana ada Bonda Maria, gangguan tidak berlaku, ketakutan tidak akan menang.”

Semasa Ritus Eksorsisme, paderi juga akan berdoa yang merujuk kepada nubuat dalam kitab Kejadian, di mana Tuhan berkata kepada ular itu, “*Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan itu, antara keturunanmu dan keturunannya; dia akan memukul kepalamu, dan kamu akan memukul tumitnya*” (Kejadian 3:15).

Ayat di atas juga boleh diterjemahkan sebagai “dia akan memukul kepalamu,” dan secara tradisinya digunakan untuk Perawan Maria yang Diberkati.

Sto Padre Pio juga bersetuju dengan kenyataan ini dan menambah, “Sesetengah orang sangat bodoh sehingga mereka fikir mereka boleh melalui kehidupan tanpa bantuan Bonda Yang Terberkati.

Cintai Bonda Maria dan berdoa rosari kerana rosari adalah senjata melawan kejahatan dunia hari ini. Semua rahmat yang diberikan oleh Tuhan melalui Bonda yang Terberkati.” — *Aleteia*

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada hari Minggu ini, kita memasuki minggu Adven yang ketiga. Ini bermakna, tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Raya Besar Natal iaitu Kelahiran

Yesus, Sang Juruselamat Dunia.

Bagaimana dengan persiapan rohani adik-adik? Bagi yang boleh melakukan Sakramen Pengakuan, sudahkah adik-adik pergi mengaku?

Adik-adik, pada hari Minggu ini, kita mendengar tentang Yohanes


Pembaptis, yang diutus Tuhan untuk memberitakan tentang kedatangan Sang Mesias.

Yohanes Pembaptis adalah saksi yang mengatakan Yesus adalah Sang Juruselamat yang menghapus dosa dunia.

Semoga Yohanes Pembaptis menjadi inspirasi kita untuk 'berseru' kedatangan Sang Juruselamat kita, Yesus, Putera Tuhan.

Salam Sayang
Antie Melly

Bongkar kod rahsia pada gambar ini untuk membaca pesan dari Santo Paulus.



TETAPLAH



SENANTIASA




BERSUKACITALAH



BERDOA

Mari Mewarna



Datanglah seorang yang diutus Tuhan, namanya Yohanes; Dia datang sebagai saksi untuk memberi kesaksian (Yoh 1: 6-7)


Apa jawapan Maria kepada malaikat Gabriel? Tuliskan jawapan yang betul.

_____nya aku ini adalah _____ Tuhan; _____ padaku _____ perkataanmu itu.
(Lukas 1: 38)



Kelahiran Yohanes amat menyenangkan hati ibu bapanya, Zakharia dan Elizabeth. Dapatkah adik-adik mencari gambar-gambar yang tersembunyi di dalam gambar di bawah?

Buku, kek, ikan, bola, magnet, bulan, jarum dan benang, siput babi, stokin, sudu, lencana sherif dan bintang?



BELIA MILENIUM



Kristus menyatukan belia MJD



JOHOR BAHRU: Lebih seribu kaum muda dari vikariat Timur Tengah Johor, Johor Selatan dan Melaka merayakan Hari Orang Muda Keuskupan Melaka Johor (MJD) pada November 24-26 lalu.

Hari Orang Muda ini dirayakan di tiga vikariat berbeza dengan tujuan yang sama iaitu memantapkan iman belia, persaudaraan dan iman melalui doa, katekesis serta Misa Kudus. Dan selama tiga itu, Ketua Keuskupan Melaka Johor,

Uskup Bernard Paul merayakan Misa Kudus bersama para belia.

Pada hari pertama, ia diadakan di Gereja St Louis, Kluang bagi para belia Vikariat Johor Utara Tengah.

Seramai 150 belia menghadiri acara ini yang diisi dengan majlis alu-aluan, perarakan bendera dari setiap paroki, pameran yang mempromosikan panggilan serta sesi pujian dan penyembahan.

Pada hari kedua, giliran Vikariat Johor

Selatan merayakan Hari Belia.

Hampir 400 belia menyertai pelbagai sesi. Mereka membincangkan lima perkara yang menjadikan seorang belia "beriman segar" serta berbahagi perkongsian yang bertema, "Maria Bangkit dan Bergegas Pergi" (Lukas 1:39).

Pada hari terakhir, seramai 460 belia dari Vikariat Melaka merayakan Hari Belia dengan doa rosari, sesi katekesis tentang panggilan serta sesi dialog ber-

sama Uskup Bernard Paul.

Tahun depan, Hari Belia Sedunia akan berlangsung di peringkat keuskupan, di Pusat Majodi, Plentong.

Pada tahun 2025, ia akan diadakan di paroki masing-masing, dan pada tahun 2026, ia bakal diraikan di peringkat vikariat yang akan dijalankan di Gereja St Henry, Batu Pahat, Katedral Sacred Heart of Jesus, Johor Bahru, dan Gereja St Peter, Melaka.

Jangan suka bertangguh



Para krismawan St Martin Telupid bergambar bersama para paderi dan Uskup Julius Gitom.

TELUPID, Sandakan: 107 krismawan di paroki St Martin baru-baru ini diingatkan agar jangan suka bertangguh khususnya perkara yang berkaitan dengan iman.

Uskup Julius Dusin Gitom yang memimpin Ritus Penguatan sempena hari paroki ke-57 dan sambutan Ulang Tahun Keuskupan Sandakan ke-16 mengingatkan para krismawan agar rohani kita sentiasa berjaga-jaga dan tidak "tertidur".

Katanya, "bersiap sedia dalam segala hal kerana kedatangan Tu-

han Yesus untuk kali yang kedua adalah secara tiba-tiba. Tambah prelatus itu lagi, "Iman dan pertobatan hendaklah sentiasa dipraktikkan. Jangan kerana usia muda, kita memikirkannya kita masih sempat untuk bertobat. Kita lupa, saat kematian kita tidak mengira usia sama ada tua atau muda".

Fr Christopher, paderi paroki St Martin, semasa menyampaikan ucapannya, menyeru para krismawan dan umat agar terus menjalin hubungan akrab dengan Tuhan. — **Soccom Katekikal Telupid**

Acara kaum muda tawarkan kesempatan membangun dunia aman

KOTA PADAWAN, Sarawak: Lebih 1,300 belia Katolik di bawah naungan Paroki Santa Anna menyahut panggilan untuk menyertai Program Belia Paroki Santa Anna (SAYD 2023) anjuran Ministri Belia Paroki Santa Anna di Gereja St Michael, Teng Bukap, baru-baru ini.

"Kita berkumpul di sini merupakan suatu panggilan bagi setiap kita untuk memusatkan diri kita kepada Tuhan Yesus," kata Fr Don Don Romero Ramirez OFM dalam khutbahnya semasa Misa Pembukaan SAYD.

"Setiap sesi yang dijalankan sepanjang SAYD 2023 membolehkan belia untuk mengalami Tuhan secara peribadi," kata Fr Don Don.

Banyak sesi menarik mengisi SAYD seperti permainan, perkongsian iman, renungan, doa rosari vigili, Saat Teduh, pujian dan penyembahan serta persembahan pentas.

Selain itu, sesi perkongsian disampaikan oleh Sr Susan Dulang SSFS yang bertajuk 'Mengapa Saya Bangga Menjadi Seorang Katolik' memberi dorongan kepada para peserta untuk berbangga



SAYD mengajak belia bangga dengan identiti Katolik masing-masing.

dan mempraktikkan identiti Katolik mereka.

SAYD 2023 turut dimeriahkan dengan Konsert Rohani Pujian yang diterajui oleh *Grace Notes* dari Ministri Muzik Zon Simpok dan acara *St Ann Got Talent* yang menyaksikan 10 peserta membuat persembahan.

Beberapa peserta belia yang ditemubual selepas SAYD mengatakan mereka amat bersyukur kerana dapat mendekati diri dengan Tuhan, mempelajari ajaran Gereja, memperkasakan iman dan berpeluang untuk berkenalan dengan rakan baharu. — **Irvina Joan, Today's Catholic**

Sri Paus tandatangani kenyataan antara agama tentang krisis iklim

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus turut menandatangani “pernyataan antara agama” yang bermatlamat untuk menyedarkan komuniti dan pemimpin antarabangsa tentang krisis berterusan perubahan iklim yang sedang mengancam sebahagian besar dunia.

Bapa Suci menandatangani Pernyataan Antara Agama Abu Dhabi untuk COP28 pada Disember 3 dalam sidang kemuncak iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Dubai.

Bapa Suci sepatutnya hadir pada majlis itu tetapi penyakit pernafasan memaksanya untuk tinggal di Roma.

Persidangan kemuncak tahunan yang dikenali sebagai “Persidangan Para Pihak” (COP), adalah peluang untuk pemimpin dunia, untuk berte-



mu dan membincangkan matlamat dasar demi mewujudkan matlamat bersama untuk mitigasi perubahan iklim.

Acara tahun ini menandakan perasmian COP Faith Pavilion yang pertama, sebuah gabungan rakan kongsi antara agama yang “berdedikasi untuk penglibatan komuniti kepercayaan” mengenai topik alam sekitar.

Kenyataan antara agama yang

ditandatangani oleh Sri Paus Fransiskus dan pemimpin agama lain menyatakan “keimbangan bersama terhadap kesan iklim yang semakin meningkat dan membahayakan planet kita bersama serta mempromosi komitmen bersama bagi menangani krisis global ini.”

“Iman mengajar kita akan kewajipan suci untuk menghargai bukan sahaja keluarga manusia kita tetapi juga ekosistem kita,” kata dokumen

itu. Dokumen itu menggesa “semua pembuat keputusan yang berkumpul di COP28 untuk mengambil peluang atas pertemuan ini dan bertindak segera bagi menangani perubahan iklim.

Kenyataan itu juga menyatakan bahawa dunia “menuntut tindakan transformatif” untuk mengekalkan purata suhu global daripada kepanasan 1.5 darjah Celsius (2.7 darjah Fahrenheit) di bawah paras pra-industri menjelang tahun 2100.

Dokumen itu juga memerlukan “peralihan tenaga pengesanan pantas dengan tidak hanya beralih daripada bahan api fosil, tetapi juga mempromosi pertanian mampan dan sistem makanan berdaya tahan serta mewujudkan “mekanisme akauntabiliti” untuk matlamat iklim global.

“Desakan masa menuntut kita bertindak pantas, bekerjasama, dan tegas untuk menyembuhkan dunia kita yang terluka dan memelihara kelestarian rumah kita bersama,” kata dokumen itu.

Dalam pesan video yang berasingan, Sri Paus berkata bahawa usaha antara iman dalam COP28 “membuktikan kesediaan untuk bekerjasama.”

“Pada masa ini dunia memerlukan pakatan yang tidak menentang seseorang sebaliknya memihak kepada semua orang.”

“Sebagai wakil agama, marilah kita menunjukkan contoh untuk menunjukkan bahawa perubahan boleh dilakukan dengan mengubah gaya hidup yang menghormati dan mampan,” kata Sri Paus Fransiskus. — media Vatikan

Teologi harus “dengar” bahasa masa kini

BOGOTÁ, Mexico: Ahli teologi, ahli Sains Sosial, ahli sejarah dan beberapa orang artis, bertemu di Bogotá untuk membincangkan bagaimana agama dapat diwakili dalam budaya popular hari ini.

Sri Paus Fransiskus “mengatakan bahawa teologi baharu tidak boleh menjadi dialog antara ahli teologi sahaja sebaliknya ia mestilah dialog antara disiplin,” kata Emilce Cuda, setiausaha Komisi Kepausan untuk Amerika Latin pada November 27.

Persidangan selama tiga hari di Bogotá mengenai ungkapan agama dalam budaya popular di

adakan ibu pejabat Konferensi para Uskup Amerika Latin, yang dikenali sebagai CELAM.

“Ahli teologi, harus berada di kalangan orang dan mendengar bahasa yang mereka gunakan untuk menyatakan iman hari ini, untuk menyatakan keperluan dan impian mereka serta melibatkan diri dengan ungkapan iman yang disampaikan misalnya dalam dunia muzik rap dan di kalangan orang-orang yang suka bertatu.

Persidangan yang bertajuk “Theology on the Peripheries: The Symbolic Language of Popular Culture,” menampilkan para

panelis mengenai penggunaan agama dalam membentuk ideologi, naratif media berkenaan agama, penggunaan simbol agama dan representasi dalam seni.

Emilce berkata persidangan itu didorong oleh keperluan untuk “teologi keluar” yang sejajar dengan visi “Gereja keluar” seperti yang diseru oleh Sri Paus Fransiskus dalam surat bertarikh November 1, yang meluluskan statut baharu untuk Akademi Teologi Kepausan.

Felipe Legarreta, seorang peserta dan sarjana alkitabiah di Universiti Loyola Chicago mengatakan kajian penggunaan simbol agama zaman moden haruslah meneladani bapa-bapa gereja awal, yang menggunakan simbol dan bahasa sesuai pada masa itu.”

Fr José Carlos Caamaño, seorang ahli teologi dari Universiti Katolik Argentina mengatakan, “teologi hari ini terlalu bimbang untuk memelihara doktrin bukannya pewartaan.

Tegasnya, “Teologi harus berjalan dengan disiplin ilmu yang lain agar dapat mengartikulasikan bahasa yang mengkomunikasikan Injil serta difahami oleh semua orang.” — media Vatikan

Budak lelaki berjalan sejauh tujuh batu demi Sakramen Krisma



Maximiliano Pavillaux

BEUNOS AIRES, Argentina: Seorang budak lelaki Argentina baru-baru ini telah berjalan di jalanan berlumpur sejauh 11 kilometer (kira-kira tujuh batu) demi menerima Sakramen Krisma, dan berita itu sampai kepada Bapa Suci Fransiskus, yang kemudian menghantarnya berkat.

Maximiliano Pavillaux atau Max, 11, tinggal bersama ibu bapa dan empat adik-beradiknya di kawasan luar bandar sekitar Suipacha, sebuah bandar kecil di wilayah Buenos Aires.

Setelah bersiap sedia selama setahun, budak lelaki itu sedia menerima Sakramen Penguatan yang dijadualkan pada November 11.

Bagaimanapun, apabila tarikh penerimaan Sakramen semakin

hampir, keadaan cuaca semakin buruk. Malam sebelum ritus Sakramen Krisma, hujan telah turun tanpa henti.

Keluarga Max berasa bimbang kerana jalan yang berlumpur dan traktor yang mereka gunakan untuk bekerja ladang telah rosak pada minggu yang sama.

Hanya ada satu alternatif iaitu berjalan kaki. Tanpa diduga, Max sanggup berjalan tujuh batu dalam lumpur!

Dia mula berjalan pada awal pagi untuk tiba di Gereja Our Lady of Rosary sebelum jam 10.30 pagi.

Kisah Max kemudiannya didengar oleh Sri Paus Fransiskus yang kemudiannya menghantar berkat apostolik dan hadiah dari Roma. — CNA



Para peserta menghadiri konferensi yang dianjurkan oleh CELAM. (Gambar: CELAM/Facebook).

Pesan Kardinal untuk peserta Katolik Karismatik Dubai

DUBAI: Kira-kira 3,000 penganut Katolik dari Persekutuan Doa Karismatik Katolik yang tinggal di Teluk Parsi berkumpul di Dubai, Emiriah Arab Bersatu, yang bertema: menjadi kudus kerana Aku adalah kudus.”

Kardinal Kevin J. Farrell, ketua Dikasteri untuk Kaum Awam dan Kehidupan, menghantar pesan kepada peserta perhimpunan dengan mengatakan kepada mereka bahawa Tuhan memanggil mereka untuk melakukan perkara-perkara besar selain menjadi kudus.

Menjadi kudus adalah “ialah melakan kebaikan dengan ikhlas dan benar-benar menjauhkan diri

dari kejahatan,” ujar Kardinal Kevin kepada para peserta yang datang dari Oman, Bahrain, Kuwait, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu yang berhimpun di Gereja Katolik St Mary, Dubai.


Dilahirkan semula melalui pembaptisan, maka keinginan seorang Kristian “bukan lagi duniawi, sebaliknya keinginan untuk kebaikan, keadilan, kebenaran, persaudaraan dan cinta,” tulis Kardinal Kevin.

Namun, seperti yang semua orang tahu, ini bukanlah sebuah proses yang terjadi sekali tetapi sepanjang masa, bahkan memerlukan komitmen yang diperbaharui setiap hari

untuk bertumbuh dalam kekudusan dan kebajikan.

Kardinal menegaskan, menjadi kudus adalah “sebuah ajakan yang ditujukan kepada setiap orang untuk saudara dan saudari bagi sesama, peduli terhadap mereka yang menderita, yang ditindas, dianiaya, mereka yang dijadikan hamba serta mereka yang menjadi hamba dosa, lemah dalam iman serta putus harapan dalam makna kehidupan.

Menjadi kudus sebagaimana Tuhan itu kudus “bererti kita juga dipanggil untuk mampu berbelas kasih, memaafkan, dan berdamai.” — ucanews.com



Peserta Konvensi Pembaruan Karismatik Katolik kelima di Dubai. Gambar: Media Vatikan.

AUDIENSI UMUM SRI PAUS FRANSISKUS BERSAMA KAUM AWAM

Roh Kudus menghidupkan dan meremajakan Gereja

KOTA VATICAN: “Tanpa Roh Kudus, semua semangat dan kerasulan kita,” kata Sri Paus Fransiskus pada Audiensi Umum hari Rabu, Disember 6.

“Ia hanya akan menjadi milik kita tetapi tidak akan berbuah,” ujar Sri Paus Fransiskus.

Disebabkan masalah kesihatan yang berlarutan, renungan Bapa Suci sekali lagi dibaca oleh seorang pembantu dari Sekretariat Negara iaitu Msgr Filippo Ciampantelli.

Dalam beberapa minggu kebelakangan ini, Sri Paus telah menyampaikan renungan “ciri-ciri penting” pewartaan Injil, yang menggembirakan, bagaimanaewartakan Injil yang sesuai untuk semua orang dan relevan dengan zaman kita.

Kali ini, Sri Paus Fransiskus memberikan ciri terpenting penginjilan iaitu keperluan untuk penyebaran Khabar Gembira dalam bimbingan “Roh Kudus” — protagonis penginjilan, yang bertanggungjawab untuk penyebaran Berita Baik. Bapa Suci menekankan bahawaewartakan Injil sama sekali bukan tindakan mempromosi diri.

“Dengan meneladani Yesus sebagai penginjil pertama dan terbesar” maka kita harus bekerjasama dengan Dia dan yang memimpin kita iaitu kuasa Roh-Nya”.

“Tetapi kita hanya dapat meneladani Yesus dengan mengikis sikap mengutamakan diri dan harus mendengar panggilan sejati Roh Kudus yang mendorong kita untuk menjadi kreatif, sederhana serta merendahkan diri dalamewartakan



Bapa Suci bersama kanak-kanak semasa Audiensi Umum pada Dis 6, di Vatikan.

kerajaan Tuhan.

Bapa Suci memberi amaran bahawa, pada zaman ini, adalah mudah untuk berundur daripada jangkauan pastoral, di mana kita lebih berlindung “dalam zon selamat” yang merupakan godaan untuk mengelirukan kita atau menjadikan iman kita statik serta tidak berkembang.

Melakukan sesuatu berulang kali atas nama Tuhan tetapi hanya melakukannya kerana tradisi, bukanlah tindakan Roh Kudus.

Bapa Suci menggalakkan “kreativiti pastoral, berani dalam Roh, bersemangat dan sukacita dalam penyebaran Injil serta terbuka kepada bimbingan Roh Kudus.”

Pewartaan dalam Roh ditandai dengan

kesederhanaan, “kerana Roh Kuduslah yang membawa kita kepada Sumber ‘pewartaan pertama’ iaitu pernyataan belas kasih Bapa yang tidak ada batasnya.

‘Pewartaan pertama’ ini harus menjadi pusat semua aktiviti penginjilan dan semua usaha dalam pembaharuan Gereja,” kata Sri Paus, memetik kata-katanya sendiri dalam Ekshortasi Apostolik *Evangelii Gaudium*.

Sri Paus Fransiskus menjemput semua umat beriman untuk membenarkan Roh Kudus menjadi sumber semua makhluk dan pekerjaan kita kerana Roh Kudus “menghidupkan dan meremajakan Gereja,” katanya. — *media Vatikan*

KOTA MEXICO: Fr Eduardo Hayen, seorang pengusir syaitan (eksorsis) dari Keuskupan Ciudad Juárez di Meksiko, memberi peringatan tentang “vampire” atau pontianak yang dapat menjauhkan orang dari Tuhan iaitu dalam bentuk alkohol, kejahatan seksual dan ketagihan media sosial.

Fr Eduardo, direktor akhbar mingguan *Presencia*, menulis pada Disember 3 lalu, sempena Hari Minggu pertama Adven yang bertajuk, “Waspadalah terhadap Vampire.”

“Adven dalam Gereja Katolik merupakan masa persiapan rohani menyambut kelahiran bayi Yesus ...”

“Apakah kamu ingat ‘Drakula’ dan novel tentang pontianak? Mereka adalah makhluk fiksi yang menghisap darah manusia semasa manusia sedang tidur. Mangsa harus dalam keadaan tidur nyenyak agar mudah diserang oleh makhluk gelap tersebut.

Seorang vampire terlebih dahulu menyuntik zat pemicu tidur kepada mangsa agar si mangsa tetap dalam keadaan tidur semasa vampire menyedut darahnya,” jelas Fr Eduardo.

“Dalam kehidupan spiritual, vampire adalah kebiasaan-kebiasaan buruk kita. Ia memasuki hidup kita secara perlahan, seperti dadah; ketika kita tertidur, ia mulai menyedut plasma kita, sedikit demi sedikit. Kita mulai kehilangan tenaga, kekuatan, motivasi, kemahuan, keberanian serta kehilangan semangat.”

“Kita boleh hidup dengan kebiasaan-kebiasaan yang baik, seperti pergi ke Gereja, namun disebabkan ia hanyalah ke-



biasaan tanpa ada kehidupan batin yang memotivasi kita, hati nurani kita boleh tertidur lelap dan tidak ada yang membangunkannya. Akibatnya, kita kehilangan semangat untuk membezakan yang baik dan jahat. Hati nurani kita tidak lagi bereaksi sehingga menyebabkan kita mati secara rohani.”

“Saya percaya bahwa kita semua, pada titik tertentu dalam hidup kita, pernah menjadi mangsa vampire: alkohol, dadah, penyembahan wang, kejahatan seksual, hubungan yang dilarang secara moral, ketagihan media sosial, kesombongan, sifat curi tulang dan tidak amanah, mengabaikan keluarga dan banyak lagi.

Paderi Katolik Mexico itu menegaskan ada satu antidot yang sangat berkesan, yang memusnahkan vampire dan makhluk-mahluk gelap yang lain.

“Yesus membebaskan anda dari vampire: Jika kita tertidur, makhluk gelap

itu akan mendekati dan menancapkan taringnya ke leher kita. Oleh itu, kita harus berjaga-jaga agar kuasa jahat tidak mendekati kita.

Kristuslah satu-satunya yang dapat membuat kita tetap penuh perhatian dan waspada. ‘Berhati-hatilah! Waspada! Kamu tidak tahu bila waktunya tiba’ (Mrk 13:33).”

“Firman Tuhan adalah penangkis serangan musuh. Itulah sebabnya pada hari Minggu pertama Adven ini Yesus berkata: ‘Berjaga-jaga!’ Dia mengatakan hal ini kepada kita kerana kasih-Nya yang besar dan kita adalah milik-Nya serta dan Dia tidak ingin kita tersesat.”

Pengusir kuasa jahat itu kemudian mendesak semua umat agar mendengar “Firman ilahi dengan lebih penuh perhatian pada masa Adven ini, dan marilah kita menjaga jiwa kita dengan tetap berjaga dalam doa.” — *CNA*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Pilih budaya hidup!

Dalam ucapan tegasnya, Sri Paus Fransiskus mengajukan pertanyaan kepada para pemimpin dunia sama ada mereka bekerja untuk ‘budaya hidup atau budaya kematian?’

Sri Paus Fransiskus yang mewakili 1.3 bilion umat Katolik seluruh dunia berucap kepada para pemimpin dunia yang berhimpun di Dubai sempena sidang kemuncak iklim PBB COP28 (*Conference of the Parties 28*) pada Disember 2.

Dalam ucapan yang dibacakan Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin, Bapa Suci Fransiskus merujuk kepada krisis yang semakin meningkat di dunia akibat perubahan iklim dan pemanasan global yang berpunca dari pelepasan gas toksik oleh negara-negara kaya.

“Kemusnahan alam sekitar adalah satu kesalahan terhadap Tuhan, dosa yang bukan sahaja peribadi tetapi juga struktural, yang sangat membahayakan semua manusia, terutamanya yang paling lemah di tengah-tengah kita, dan ancaman untuk generasi masa hadapan,” tulis Sri Paus.

Pemanasan planet ini adalah isu sosial global dan sangat berkait rapat dengan maruah kehidupan manusia.

Bapa Suci bermohon kepada para pemimpin dunia, “Kepada anda semua, marilah kita memilih kehidupan! Marilah kita memilih masa depan! Semoga kita memperhatikan seruan bumi, semoga kita mendengar permohonan orang miskin, semoga kita peka terhadap harapan orang muda dan impian anak-anak! Kita mempunyai tanggungjawab yang berat: untuk memastikan mereka masa depan mereka tidak dinafikan.”

Dia seterusnya mengingatkan para perwakilan untuk membetulkan keutamaan mereka dan tidak mengalihkan kesalahan kemusnahan bumi terhadap golongan miskin serta kadar kelahiran yang tinggi.

Kemusnahan alam bukan salah orang miskin begitu juga dengan kadar kelahiran yang tinggi di kalangan orang miskin. Kedua-dua ini bukanlah punca kemiskinan dunia dan penyalahgunaan sumber.

“Pemanasan global berpunca daripada penggunaan sumber yang berlebihan seperti pembakaran bahan api fosil oleh ketamakan dan mementingkan diri negara-negara kaya.

Golongan miskin paling menderita akibat kesan dramatik perubahan iklim seperti Orang Asli yang kehilangan pendapatan akibat penebangan hutan yang membawa kesan kehilangan punca pendapatan, kekurangan air dan makanan, dan penghijrahan paksa.

Persidangan COP28 berakhir pada Disember 12 bagi mencari cara penjana tenaga yang boleh diperbaharui seperti angin, suria, geotermal, biojisim dan hidro, yang tidak mengeluarkan pelepasan CO2 atau gas toksik demi menghalang pelepasan haba ke angkasa. — *Fr Shay Cullen*

***Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pendapat editorial rasmi UCA News dan HERALD.**

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Maria Bunda Tuhan yang selalu mendoakan kita

MELAKA: Pelayan Bahasa Malaysia Keuskupan Melaka Johor di bawah Tim Bahasa Malaysia Vikariat Melaka buat julung kalinya menganjurkan formasi berkaitan Bunda Maria dengan tema: *Maria Ibuku* yang disampaikan oleh Fr Moses Rayappan, di *Monfort Youth Centre* Ayer Salak, Melaka.

Seramai 45 peserta menyertai sesi yang memberikan mereka peluang mendalami siapakah Bunda Maria dan peranannya dalam sejarah penyelamatan dunia.

Dalam sesi pertama, Fr Moses memberi pencerahan tentang siapa Bunda Maria, gelaran-gelaran yang diberikan oleh Gereja kepadanya, dogma penting yang berkaitan dengan Bunda Maria dan juga perjanjian Tuhan dengan manusia.



Pelayan Bahasa Malaysia Keuskupan Melaka Johor buat julung kalinya anjur formasi *Maria, Ibuku*

Fr Moses juga membawa peserta untuk melihat tipologi atau persamaan Bunda Maria sebagai Hawa Baru, Tabut Perjanjian dan Ibu Permaisuri seperti yang dicatatkan dalam Perjanjian Lama.

Para peserta diberi penerangan tentang Bunda Maria sebagai Hawa Baru yang membawa manusia untuk taat dan setia kepada kehendak Tuhan.

Mereka juga mendalami peribadi Maria

sebagai Tabut Perjanjian yang membawa dalam dirinya Yesus kepenuhan seluruh Hukum, Yesus sebagai makanan sejati dan yang memegang tongkat kerajaan Tuhan; manakala Bunda Maria sebagai Ibu Permaisuri kerana anak-Nya Yesus adalah Raja semesta alam.

Pada hari kedua, Fr Moses menjelaskan empat dogma penting Bunda Maria iaitu: keperawanan kekal Maria, Maria Ibu Tuhan, Maria dikandung tanpa noda dosa dan Maria diangkat ke syurga.

Selepas formasi itu, ramai peserta yang mengatakan mereka semakin memahami kehidupan Maria sebagai Ibu Tuhan dan mahu meneladani kasih, kesetiaan dan semangat Bunda Maria. — *Tim BMLC*

Menuju Natal dalam kepelbagaian

KUALA LUMPUR: “Sediakanlah Jalan Bagi Tuhan” (Matius 3:3) merupakan tema retret Adven di Gereja *St Francis of Assisi* (SFA), Cheras, pada Disember 2 baru-baru ini sebagai usaha efektif membawa umat paroki mempersiapkan diri untuk menyambut Hari Natal.

Retret tersebut dijalankan dalam empat bahasa. Bagi umat yang menyertai retret dalam bahasa Malaysia, ia dikendalikan oleh Fr Gregory Chan.

Fr Gregory membimbing 41 peserta untuk merenung beberapa soalan rohani

serta memberi perkongsian yang memperdalamkan lagi pemahaman mereka akan perayaan kelahiran Yesus.

Refleksi peribadi, kesedaran terhadap isu-isu semasa dalam gereja Katolik telah menjadi dasar dalam diskusi.

Melibatkan peserta untuk melihat isu-isu tersebut melalui seruan Sri Paus Fransiskus menunjukkan komitmen untuk memahami dan merangkul ajaran Gereja Katolik secara kontekstual dan relevan.

Secara keseluruhan, retret ini bukan hanya memberikan ruang untuk refleksi



41 peserta menyertai retret Adven bersama Fr Gregory Chan di Gereja *St Francis of Assisi*, Cheras pada Disember 2.

pribadi dan pertumbuhan rohaniah, tetapi juga mempromosikan kebersamaan di

dalam kepelbagaian komuniti paroki. — *Angel Jupirik @Jupir*

Perarakan Krismas Sarawak lakar sejarah, masuk *Malaysia Book of Records*



Karol Krismas Sarawak in Diversity melakarkan sejarah apabila ia dicatatkan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai perhimpunan terbesar Krismas di negara ini.

KUCHING: Acara *Christmas Carol, Sarawak in Diversity* mencipta sejarah tersendiri dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) selepas merekodkan 2,479 peserta berkunjung di Padang Merdeka, pada Disember 4.

Ia sekali gus menyaksikan jumlah peserta melebihi sasaran awal pihak penganjur iaitu 1,500 orang.

Program bermula sekitar jam 8.00 malam itu dimeriahkan dengan penyertaan pelbagai badan persatuan khususnya daripada pihak Gereja, persatuan dan komuniti keagamaan.

Antaranya, Gereja St Ann; Persatuan Gereja Sarawak; Gereja St Mark; Katedral St Joseph; Gereja Holy Trinity, Gereja Evangelical Sarawak dan Gereja Blessed Sarawak (SECA); Persatuan Ngajat Asal Iban (NGASI); Komuniti Tao; Komuniti Buddha; Komuniti Hindu; Komuniti Sikh dan Komuniti Baha'i.

Majlis bermula dengan upacara memasang lampu pokok Krismas secara besar-besaran dengan simboliknya disempurnakan oleh Timbalan Premier Datuk Amar Dr Sim Kui Hian mewakili Premier Datuk Patinggi

Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Selain itu, Pengarah UNIFOR Datuk Jack Aman Lut dan Uskup Agung Metropolitan Katolik Kuching, Simon Po.

Lagu-lagu yang dipersembahkan ialah *O Holy Night, Feliz Navidad, Carols of the Bells, Deck the Halls*, diikuti *12 Days of Christmas* dan *Last Christmas*, persembahan berakhir dengan *We Wish You a Merry Christmas*.

Program Krismas itu dianjurkan oleh Unit Agama Lain (UNIFOR) dan disokong oleh TV Sarawak. Ia akan disiarkan di salu-

ran televisyen pada Disember 23.

Program itu pada mulanya mengundang kontroversi selepas carol *'O Holy Night'* dilaporkan dikecualikan daripada senarai lagu yang dipersembahkan, menyebabkan Persatuan Gereja-Gereja di Sarawak menarik diri daripada program itu.

Perkara itu segera diperbetulkan selepas campur tangan Perdana Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas. — *Dayak Daily/The Borneo Post*